

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PROGRAM ULUL ALBAB (TAHFIZ) DI

MRSM ULUL ALBAB

Mardhiah Binti Yahaya¹
Mohd Shaiful Bin Shafei²
Kalthom Hussain

Abstrak

Pendidikan tahfiz kini menjadi pilihan utama masyarakat di Malaysia. Pelbagai institusi yang belatarbelakangkan pendidikan tahfiz ditubuhkan bagi memenuhi kehendak semua pihak. MARA juga memilih untuk menubuhkan program tahfiz ini di institusi pendidikan meraka. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai persepsi pelajar terhadap Program Ulul Albab di MRSM Ulul Albab. Kajian ini adalah kajian deskriptif yang menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik kemudian disokong oleh data kualitatif iaitu temubual dan analisis dokumen. Seramai 233 pelajar dan 62 guru telah dipilih sebagai responden dari MRSM Kota Putra, MRSM Gemencheh dan MRSM Kepaka Batas yang melalui soal selidik kemudian data tersebut di sokong oleh dapatan temu bual. Data kuantitatif kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS 20.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar di MRSM Ulul Albab berada di dalam tahap sederhana tinggi. Matlamat dan objektif memerlukan kepada penambahbaikan agar dapat membantu proses pengajaran lebih bersistematik seterusnya mencapai matlamat dan objektif Program Ulul Albab. Penambahbaikan dan pelaksanaan yang mengikut keperluan semasa dan jangka panjang pelajar amat diperlukan agar para *huffaz* yang bakal lahir berkualiti tinggi demi memenuhi keperluan dan peranannya kepada masyarakat dan Negara.

KATA KUNCI: Persepsi Pelajar, MRSM Ulul Albab, Program Ulul Albab

¹ Calon Sarjana Pendidikan dari Jabatan Pengajian Islam, UPSI. Emel : mardhiahyahaya@gmail.com

² Calon Sarjana Pengajian Islam dari Fakulti Sains Sosial, OUM. Emel : ulammalaysia_4@yahoo.com

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kalam Allah s.w.t yang menjadi kitab perundangan Islam dan sumber rujukan segala ilmu pengetahuan. Kitab suci ini menjadi sumber inspirasi kepada pembangunan tamadun manusia sejagat yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Selain dari itu, al-Quran bukan sahaja menjadi rujukan kepada umat Islam, malah yang bukan Islam juga menjadikannya sumber rujukan yang tepat.

Pendidikan al-Quran merupakan suatu cabang ilmu yang fundamental kepada umat Islam. Di dalamnya meliputi pengajian dan tatacara pembacaan qiraatnya, kaedah-kaedah hafazan, pengkajian penterjemahan dan tafsir, pengkajian hukum-hukum dan sebagainya (Abdullah, Safar, Mustari, Muhammad, dan Ismail,³ Mohd Salleh⁴ pula menyatakan bahawa matlamat utama pendidikan al-Quran adalah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Manakala motif pendidikan al-Quran ialah membina masyarakat yang bertaqwa serta bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sombong dan masyarakat yang menjadikan al-Quran sebagai garis panduan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian persepsi pelajar terhadap Program Ulul Albab (UA) di MRSM Ulul Albab (UA) ini melibatkan responden bekas pelajar-pelajar SPM tahun 2015 di MRSM UA (Kota Putra, Gemencheh dan Kepala Batas). Walaupun terdapat empat MRSM UA, namun penyelidik hanya memilih 3 tempat ini kerana ketiga-tiganya mempunyai pelajar lepasan SPM dari Program UA. Manakala sebuah lagi MRSM iaitu MRSM Sungai Besar masih belum memiliki pelajar lepasan SPM. Bagi mengukuhkan dapatan kajian ini, penyelidik hanya memilih tiga MRSM sahaja.

³ Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz, 2003

⁴ Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

MRSM Kota Putra merupakan institusi pertama yang ditubuhkan sebagai MRSM Program UA di bawah MARA pada tahun 2009 hasil dari cetusan idea Dato' Idris Bin Jusoh. Manakala diikuti MRSM Gemencheh pada tahun 2010 dan seterusnya MRSM Kepala Batas pada tahun 2011. Matlamat utama institusi ini ditubuhkan ialah untuk melahirkan generasi al-Quran yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara serta melahirkan pelajar-pelajar yang berlatar sains dan tahfiz al-Quran yang dapat memenuhi syarat untuk memenuhi pengajian dalam bidang profesional dan teknikal di mana-mana universiti tersohor di seluruh dunia (Modul Quranik, 2011)⁵.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian triangulasi iaitu kajian kuantitatif dan kajian kualitatif. Data kuantitatif diperoleh daripada soal selidik pelajar yang menggunakan instrumen soal selidik dan data kualitatif dari analisis dokumen dan temu bual pelajar. Penyelidik telah menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata untuk instrumen soal selidik. Responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu dari no 1 hingga 5 berdasarkan keterangan pada nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju(5).

Nilai alpha berasaskan Koeffisien Cronbach telah digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan nilai ketekalan dalam item-item instrumen. Nilai pekali alpha yang menghampiri 1 menunjukkan item-item dalam skala itu mengukur perkara yang sama dan nilai ini menunjukkan mempunyai nilai kepercayaan yang tinggi seperti mana dalam jadual 1. Umumnya, ramai penyelidik⁶ mencadangkan bahawa nilai alpha yang melebihi 0.80 menunjukkan aras kebolehppercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai satu instrumen kajian.

Namun menurut Mohd Majid⁷ nilai Alpha Cronbach bagi kajian sains sosial ialah 0.6 ke atas. Bagi Kamaruzaman⁸ (2013) pula bahawa nilai pekali alpha 0.60 hingga 0.80 adalah

⁵ Modul Quranik merupakan modul pengajaran yang telah dirangka oleh Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA

⁶ (Azmil, 2010), (Cohen et al. 2000; Bogden & Milken 2003; Sekaran & Bougie 2010).

⁷ Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

diterima. Dalam kajian ini, nilai Alpha Cronbach bagi instrumen pelajar ialah 0.786 manakala bagi instrumen guru pula nilai pekali Alpha Cronbach ialah 0.755. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa instrumen yang dibina adalah sah dan boleh dipercayai seterusnya boleh digunakan untuk kajian seterusnya.

Jadual 1 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	0.90-1.00
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	0.00-0.30

Kajian ini telah dijalankan di tiga buah MRSM Ulul Albab iaitu MRSM Kota Putra, MRSM Gemencheh dan MRSM Kepala Batas . Seramai 233 orang bekas pelajar dan 62 orang guru telah dipilih menjadi responden kajian ini. penyelidik juga menggunakan kaedah temu bual dan bersama pelajar dan guru sebagai data tambahan bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian dan analisis dokumen untuk melihat modul quranik yang telah dirangka.

DAPATAN KAJIAN

1) Latar Belakang Pelajar

Profil responden pelajar Program UA dibahagikan kepada jantina dan juz terakhir *tasmi*^c di MRSM UA. Dapatan ini boleh dilihat dalam jadual 2. Jadual 2 menunjukkan responden pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki dengan 50% manakala responden pelajar lelaki ialah 49.79%. Oleh itu, jumlah pelajar perempuan yang belajar di MRSM UA al-Quran mengatasi pelajar lelaki.

Jadual 4.1 juga menunjukkan bahawa dari segi pencapaian al-Quran, seramai 96 orang (41.20%) berjaya khatam al-Quran, 98 orang (42.06%) juz 26-30, 19 orang (8.15%) juz 21-25, 18 orang (7.73%) juz 15-20, 1 orang (0.43%) juz 11 dan 1 orang (0.43%) juz 9.

⁸ Kamaruzaman Moidunny (2013). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian*

Secara keseluruhannya, jumlah pelajar yang mengikuti program di MRSM UA adalah pelajar perempuan lebih ramai dari pelajar lelaki. Manakala jumlah pelajar yang tidak khatam lebih melebihi pelajar yang khatam.

Jadual 4.1
Profil Bekas Pelajar MRSM Ulul Albab

Item		Kekerapan	Peratusan %
Jantina	Lelaki	116	50.2
	Perempuan	117	49.7
Juz Terakhir	Khatam	96	41.2
	26-30	98	42
	21-25	19	8.1
	15-20	18	7.7
	11	1	0.4
	9	1	0.4

2) Soal selidik pelajar terhadap Program Ulul Albab

Jadual 3 menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan mengikut perspektif pelajar terhadap pelaksanaan program UA di MRSM UA. Min keseluruhan bagi semua item bahagian ini ialah 3.07 dan sisihan piawai 1.05 berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi.

Min dua item dalam matlamat dan objektif berada pada tahap tinggi iaitu berminat menghafaz al-Quran setelah memasuki ke MRSM UA (min=4.43, sp=0.73) dan perlu kepada penambahbaikan untuk lebih bersistematik (min=4.23, sp=0.91). Manakala 4 item berada dalam interpretasi sederhana tinggi iaitu pelaksanaan Program UA yang bersistematik tidak membebankan pelajar (min=3.80, sp=1.09), aktiviti dan Program UA terlalu padat (min= 3.03, sp=1.14), kaedah dan teknik memberi kesan positif (min=3.35, sp=1.03) dan program UA yang tidak dilaksanakan (min=3.38, sp=1.12). Bagi item yang mendapat interpretasi sederhana rendah iaitu item negatif sebanyak 4 item iaitu pemahaman matlamat Program UA (min=2.43, sp=1.21), keliru tentang kaedah dan teknik hafazan (min=2.62, sp=1.16), kaedah dan teknik tidak membantu pencapaian hafazan (min=2.02, sp=1.07) dan suasana persekitaran tidak membantu dalam merealisasikan Program UA (min=2.57, sp=1.25). Manakala item kelas hafazan yang membosankan (item negatif) mendapat min yang paling rendah (min=1.73, sp=0.89).

Jadual 3
Perspektif Pelajar Terhadap Pelaksanaan Program Ulul Albab

Perspektif Pelajar	STT	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Minat menghafaz al-Quran	0 0%	3 1.3%	23 10%	77 33.6%	130 55.8%	4.43	0.72	Tinggi
Pemahaman matlamat program ulul albab	62 26.6%	76 32.8%	40 17.2%	42 18%	13 5.6%	2.43	1.21	Sederhana Tinggi
Kelas hafazan (bosan)	118 50.6%	72 30.9%	33 14.2	8 3.5	2 0.9%	1.73	0.89	Rendah
Pelaksanaan program hafazan	9 3.9%	20 8.6%	53 22.7%	77 33%	74 31.8%	3.80	1.09	Sederhana Tinggi
Aktiviti dan program ulul albab (jadual)	24 10.3%	50 21.5%	80 34.3%	53 22.7%	26 11.2%	3.03	1.14	Sederhana Tinggi
Pemahaman tentang kaedah dan teknik hafazan (keliru)	43 18.5%	72 30.9%	66 28.3%	34 14.6%	18 7.7%	2.62	1.16	Sederhana Rendah
Kaedah dan teknik membantu pencapaian hafazan	12 5.2%	20 8.6	69 29.6%	93 39.9%	39 16.7%	3.55	1.03	Sederhana Tinggi
Kaedah dan teknik tidak membantu pencapaian hafazan	97 41.6%	65 27.9%	47 20.2%	18 7.7%	6 2.6%	2.02	1.07	Sederhana Rendah
Program ulul albab yang tidak terlaksana	15 6.4%	30 12.9%	85 36.5%	58 24.9%	45 19.3%	3.38	1.12	Sederhana Tinggi
Suasana persekitaran tidak membantu	55 23.6%	70 30%	48 20.6%	40 17.2%	20 8.6%	2.57	1.25	Sederhana Rendah
Perlu penambahbaikan	3 1.3%	7 3.0%	37 15.9%	71 30.5%	115 49.4%	4.24	0.60	Sederhana Tinggi
Min keseluruhan						3.07	1.05	Sederhana Tinggi

3) Data Temu bual perspektif pelajar terhadap pelaksanaan Program Ulul Albab

Jadual 4 menunjukkan temu bual pelajar terhadap pelaksanaan Program UA penyelidik yang mendapati lima daripada enam orang pelajar berminat dengan pelaksanaan Program UA sepertimana yang terdapat di dalam item perasaan. P2 berkata:

(P2) “*okay* sangat sangat. Lagi okay kalau sambungan program ulul albab *after* sekolah macam kolej atau universiti diperbanyakkan.

Begitu juga dengan tema lain seperti faham matlamat yang menunjukkan kepada pemahaman pelajar terhadap matlamat program UA, tema jadual padat pula membawa maksud kepada aktiviti yang terdapat di dalam program UA. Manakala tema pelaksanaan merujuk kepada pelaksanaan program UA dan penambahbaikan pula merujuk kepada cadangan pelajar yang mengharapkan kepada penambahbaikan Program UA. Semua tema ini masing-masing menyokong kepada data kuantitatif sepertimana terdapat di dalam Jadual 4.

Jadual 4
Data Temu Bual Pelajar Terhadap Pelaksanaan Program UA

Bil	Matlamat & objektif Ulul Albab	P1	P2	P3	P4	P5	P6
1	Perasaan	x	x	x	x	x	
2	Faham matlamat	x	x	x	x	x	X
3	Jadual padat	x	x	x	x	x	X
4	Pelaksanaan	x	x	x	x	x	X
5	Penambahbaikan	x	x	x	x	x	X

PERBINCANGAN

Dapatan analisis ini menunjukkan perspektif pelajar terhadap Program UA yang mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan program ulul albab diterima dan dipersetujui oleh pelajar terhadap matlamat dan objektif yang sedia ada. Ia juga turut di sokong dari data temu bual kepada pelajar. Secara umumnya berdasarkan dapatan penilaian konteks beberapa keperluan terhadap matlamat dan objektif yang telah dikenalpasti seharusnya menjadi sandaran dan panduan di dalam membina pengajaran dan pembelajaran di MRSM Ulul Albab serta penambahbaikan agar dapat memperbaiki pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada kepada lebih bersistematik dan teratur dan lebih diterima oleh pelajar.

Dapatan kuantitatif menunjukkan bahawa perspektif pelajar terhadap pelaksanaan program UA ini berada dalam tahap interpretasi yang sederhana tinggi (min=3.80, sp=1.09). Ini sekaligus menggambarkan bahawa penerimaan yang positif dari pelajar terhadap pelaksanaan Program UA yang sedang dijalankan. Namun begitu, terdapat beberapa aspek penting yang perlu

kepada pemurnian dan tindakan yang lebih baik agar matlamat dan objektif ini jelas dan diterima.

Hasil daripada data yang di perolehi (min=4.43, sp=0.72) dengan tahap interpretasi tinggi membuktikan pelajar sangat berminat menghafaz al-Quran setelah memasuki ke MRSM untuk mengikuti Program UA. Ini turut di sokong dari data temubual bersama pelajar yang menunjukkan bahawa mereka sangat seronok dapat mengikuti Program UA. Namun masih terdapat beberapa masalah pelajar iaitu berkaitan dengan aktiviti dan program UA yang dirancang di MRSM terlalu padat lalu menjadikan pelajar hilang fokus untuk menghafaz al-quran. Ini dibuktikan dalam data kuantitatif yang mencatatkan interpretasi sederhana tinggi (min=3.03, sp=1.14). Ia juga disokong dengan data temu bual bersama pelajar yang menyatakan bahawa kegagalan pelajar untuk *tasmi'* di dalam kelas kerana kekangan masa waktu yg dipruntukkan untuk menghafaz al-Quran di ganggu dengan pengisian lain dan kadang-kadang terpaksa menggunakan waktu tersebut untuk menyiapkan timbunan tugas yang diberi oleh guru.

Begitu juga pada item penambahbaikan terhadap pelaksanaan program ini, penyelidik mengenal pasti bahawa ia tidak boleh di abaikan kerana item ini mencatatkan interpretasi yang tinggi (min4.24, sp=0.91). Data ini kemudian di sempurnakan pula dengan data kuantitatif yang menunjukkan para pelajar mengharapkan penambahbaikan dari segi susunan jadual kelas hafazan dan kelas akademik serta jadual ko-kurikulum Program UA. Dalam kajian Azmil Hashim (2010) menyatakan bahawa objektif sangat penting untuk melahirkan pelajar mahir dalam menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan utama dalam pelbagai hukum dan permasalahan yang mendatang. Justeru, objektif-objektif pendidikan tahfiz ini seharusnya dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum pendidikan tahfiz agar ia mudah difahami seterusnya melancarkan proses pelaksanaan kurikulum tahfiz ini. Dalam kajian lain juga menegaskan bahawa setiap objektif yang telah dinyatakan dalam sesuatu kurikulum perlu jelas dan mendapat kerjasama yang baik daripada pihak-pihak lain untuk menjayakan objektif tersebut. (Lebar 1996)

Selain itu juga, guru dapat menyusun strategi dan kaedah yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz serta melaksanakan penilaian dan pengukuran kepada pelajar berasaskan

objektif pendidikan apabila objektif PdP itu jelas. Objektif PdP juga seharusnya tepat, jelas dan spesifik. Ianya hendaklah sesuatu objektif yang boleh dicapai oleh pelajar serta prestasinya boleh diukur dan dinilai oleh guru. Beliau juga berpandangan bahawa setelah mereka didedahkan kepada sesuatu proses pelaksanaan kurikulum, ia juga mengandungi aspek-aspek yang membolehkan pelajar dinilai melalui pencapaian mereka. (Mohd. Salleh 2004)

Matlamat dan objektif Program UA juga perlu kepada penambahbaikan dan keselarasan. Ini kerana penyelidik mendapati objektif yang terdapat di dalam Modul Quranik tidak selaras dengan objektif yang terdapat di dalam diari perancangan MRSM UA. Begitu juga objektif yang terdapat di dalam laman sesawang salah satu MRSM UA. Perkara ini harus diperbaiki agar matlamat dan objektif terhadap kejayaan Program UA ini lebih tersusun dan tampak lebih sistematik agar tidak berlaku kekeliruan kepada semua pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan Program UA ini.

Walaupun bagaimanapun objektif utama pendidikan tahfiz yang dinyatakan dalam Program Ulul Albab iaitu melahirkan generasi al-Quran yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan Negara masih terlalu umum yang seharusnya diperincikan dan prestasinya sukar untuk diukur dan dinilai.

Begitu juga dengan objektif kedua Program Ulul Albab ini dimana melahirkan pelajar-pelajar yang berlatarbelakangkan sains dan tahfiz al-Quran yang dapat memenuhi syarat untuk mengikuti pengajian dalam bidang professional dan teknikal di mana-mana universiti yang tersohor diseluruh dunia. Sejauhmana para pelajar mampu untuk membawa subjek sains seiring dengan tahfiz. Hal ini harus diperhalusi dan dipertimbangkan agar konsep pendidikan tahfiz yang telah dirangka di dalam Modul Quranik tidak lari dengan konsep sebenar pendidikan tahfiz itu sendiri walaupun zaman semakin canggih dan berteknologi. Ini kerana al-Badry (1984) menyatakan bahawa menghafaz al-Quran merupakan salah satu bahagian daripada kandungan pendidikan al-Quran kerana di dalam pembelajaran al-Quran bukan sekadar membaca sahaja tetapi merangkumi kefahaman, hafazan dan penghayatan.

Manakala objektif ketiga yang terdapat di dalam Modul Quranik iaitu melahirkan pelajar-pelajar yang dapat menghafaz al-Quran 30 juz dalam tempoh 3 tahun agar dapat dihadami oleh pelajar dengan pendekatan yang lebih murni agar lebih sesuai dan mudah menghafaz al-Quran dengan tempoh yang diberi. Oleh yang demikian berdasarkan dapatan objektif pendidikan tahfiz perlu di struktur semula agar ianya lebih efektif dan berkesan serta boleh diimplimentasikan dalam kurikulum tahfiz al-Quran.

KESIMPULAN

Secara umumnya kajian mendapati bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan yang perlu kepada penambahbaikan. Ia dapat dirumuskan seperti berikut :

- (1) Kurikulum Program UA ini tidak dijelaskan dengan sempurna kerana kebanyakan pelajar mencadangkankan kepada penambahbaikan yang lebih sistematik di dalam pelaksanaan Program UA ini. Ini menunjukkan pelajar-pelajar masih kabur dengan matlamat dan objektif sebenar Program UA.
- (2) Kepadatan aktiviti yang terdapat di dalam Program UA ini menjadi masalah utama kepada pelajar untuk membawa seiring Sains dan Tahfiz. Walaupun terdapat pelajar mampu dan yang telah berjaya, namun ini masih berada di dalam kuantiti yang sedikit.

Oleh yang demikian, amat penting menyusun matlamat dan objektif yang mengikut kepada keperluan yang diperlukan mengikut keadaan semasa agar ia mudah direalisasikan oleh semua pihak yang mengikuti Program UA samada pelajar mahupun guru.

PENUTUP

Kajian ini menunjukkan kepada persepsi bekas pelajar yang mengikuti Program UA di MRSM UA. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa kelemahan dalam Program UA yang perlu diberi pemurnian agar langkah penyelesaian dapat diatasi dengan segera.

RUJUKAN

- Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M. I., Muhammad, A., & Ismail, I. (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/2836/1/71871.pdf>
- Azmil Hashim (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri* (Tesis Doktor Falsafah yang belum diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Cohen L., Manion L. & Morrison K. 2000. *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer.
- Kamaruzaman Moidunny (2013). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian*. Jabatan Pembangunan Pengurus, Pemimpin dan Eksekutif Pendidikan Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lebar, M. S. (1996). *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Modul Quranik. (2011). Bahagian Pendidikan Menengah.
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Salleh, A. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Nunally, J. C. (1978). *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. New York: John Wiley.